

## **MILO® Membantu Lima Juta Rakyat Malaysia Menjalani Gaya Hidup Aktif**

***MILO® melancarkan inisiatif MILO® Aktif Negaraku bagi meningkatkan sifat kesukanan di kalangan rakyat Malaysia dari peringkat akar umbi serta membantu mereka menjadi aktif menerusi teknologi canggih.***

**PETALING JAYA, 29 Mac 2018:** MILO®, penyokong pembangunan bakat sukan akar umbi hari ini melancarkan inisiatif MILO® Aktif Negaraku. MILO® yang telah memacu pembangunan sukan peringkat akar umbi di Malaysia selama lebih 60 tahun bertekad untuk membantu seramai lima juta rakyat Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup aktif menerusi pelbagai jenis program sukan yang disediakan di bawah inisiatif MILO® Aktif Negaraku.

“Lebih daripada 60 tahun, MILO® telah membekalkan tenaga dan nutrisi kepada rakyat Malaysia dan tidak mengenal lelah untuk membangunkan sukan tanah air serta menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup lebih aktif. MILO® Aktif Negaraku adalah sebahagian daripada rancangan berterusan kami untuk memperluas misi membantu lima juta rakyat Malaysia menjadi aktif. Inisiatif ini mencerminkan janji kami untuk memberikan *Good Food, Good Life* kepada semua rakyat Malaysia,” demikian kata Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad.

“Misi untuk membantu lima juta rakyat Malaysia menjadi aktif adalah selari dengan komitmen global Nestlé untuk membantu lebih 50 juta kanak-kanak di seluruh dunia mengamalkan gaya hidup lebih sihat,” tambah beliau.

Bagi menggalakkan lima juta rakyat Malaysia menjadi aktif, siri-siri aktiviti serta pameran sukan akan dijalankan di seluruh negara sepanjang tahun melalui inisiatif MILO® Aktif Negaraku. Inisiatif ini akan menghimpunkan pelbagai platform sukan yang disokong MILO®, termasuk Klinik Juara MILO®, MILO® ActivJam Senamrobik, MILO® Hidup Bola, Hari Sarapan Malaysia MILO® serta pengenalan MILO® Bola Juara. Menerusi pelbagai aktiviti ini, MILO® Aktif Negaraku mampu mewujudkan pelbagai peluang untuk memulakan gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat Malaysia.

“60 tahun lalu, MILO® telah menerajui pembangunan sukan peringkat akar umbi bagi semua rakyat Malaysia. Setiap tahun, MILO® menyajikan pelbagai aktiviti hebat yang dinanti-

nantikan semua rakyat Malaysia. MILO® Aktif Negaraku melambangkan komitmen kami terhadap masa depan yang lebih aktif bagi rakyat Malaysia. Dalam merealisasikan komitmen ini, kami telah menghimpunkan pelbagai platform dengan unsur-unsur baharu yang mengujakan, seperti kerjasama dengan FC Barcelona untuk Klinik Juara MILO®: Edisi Barca, serta beberapa inisiatif terbaharu, seperti MILO® Bola Juara yang dianjurkan buat julung kali di peringkat dunia,” ujar Philomena Tan, Pegawai Eksekutif Perniagaan, Unit Perniagaan MILO®, Nestlé (Malaysia) Berhad.

MILO® Bola Juara, “Smart Ball” unik yang dihasilkan oleh MILO® akan diperkenalkan buat julung kali di pentas dunia sempena pelancaran MILO® Aktif Negaraku. Apabila dihubungkan dengan aplikasi telefon bimbit, MILO® Bola Juara mampu menjejak pelbagai pergerakan yang dibuat, sekaligus membolehkan para pengguna menjejaki aktiviti dan perkembangan amalan sukan mereka. MILO® Bola Juara bakal ditampilkan di pelbagai acara MILO® Aktif Negaraku di seluruh tanah air dalam beberapa bulan ini bagi menggalakkan kanak-kanak dan ibu bapa di setiap negeri menjalani gaya hidup lebih aktif dengan bantuan teknologi menakjubkan ini.

Klinik Juara MILO®: Edisi Barca yang bakal berlangsung dari 31 Mac hingga 13 Mei akan menyaksikan kanak-kanak dari seluruh Malaysia menjalani latihan dengan jurulatih handalan tanah air, Azman Adnan dan Coach Yong. Lebih menarik lagi, 19 kanak-kanak yang telah menyertai Klinik Juara MILO®: Edisi Barca akan berpeluang berkunjung ke Camp Nou, stadium kebanggaan FC Barcelona!

Satu lagi berita baik untuk para peminat sukan! Beberapa Klinik Juara MILO® untuk enam sukan lain turut akan dilancarkan pada tahun ini, di samping pelbagai aktiviti lain dalam inisiatif MILO® Aktif Negaraku, termasuk MILO® Hidup Bola yang bakal kembali mengujakan semua. Untuk maklumat lanjut mengenai sukan-sukan yang terlibat dalam MILO® Aktif Negaraku, serta perkembangan usaha MILO® dalam menggalakkan gaya hidup aktif di Malaysia, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my) atau [www.facebook.com/MiloMalaysia](https://www.facebook.com/MiloMalaysia)

###

### **Mengenai MILO®**

MILO®, peneraju minuman malt coklat yang berkhasiat di Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 1950. Ia terkenal dengan rasa uniknya yang digemari rakyat Malaysia. Padat dengan kebaikan semula jadi malt, susu dan koko, ia turut diperkayakan dengan Activ-Go, satu gabungan unik pelbagai vitamin dan mineral. MILO® merupakan minuman paling popular di Malaysia dan telah memupuk juara dari generasi ke generasi.

### **Mengenai Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL)**

Baru-baru ini, MILO® Activ-Go® telah memperoleh Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL). HCL merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia, dan logo ini hanya akan diberikan kepada

syarikat-syarikat makanan dan minuman yang memenuhi kriteria nutrisi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Logo ini mudah dikenal pasti kerana ia dipamerkan di hadapan bungkusan makanan atau minuman, sekaligus dapat membantu pengguna membuat pilihan produk makanan yang lebih sihat.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

### **Untuk maklumat lanjut sila hubungi:**

---

#### **Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

**Tel:** (+603) 7965 5185

**Mobile:** (+6012) 353 1337

**Email:** [Maxine.Lim@my.nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.nestle.com)

#### **Menuka Vejasegaran**

Ogilvy Public Relations

**Tel:** (+603) 2718 8928

**Mobile:** (+6014) 345 2006

**Email:** [Menuka.Vejasegaran@ogilvy.com](mailto:Menuka.Vejasegaran@ogilvy.com)